

Jati Diri Kanak-Kanak Melayu-Islam Menerusi Pendidikan Awal

Malay-Muslim Children Identity through Early Education

Adibah Sulaiman @ Mohamad¹, Noorsafuan Che Noh², Ezad Azraai Jamsari³

¹Pusat Pengajian Teras & Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

²Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

³Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Article progress

Accepted: 5 March 2020

Reviewed: 3 June 2020

Published: 30 November
2020

*Corresponding author:

Adibah Sulaiman
@Mohamad
Pusat Pengajian Teras &
Fakulti Pengajian Bahasa
Utama, Universiti Sains Islam
Malaysia
Email: adibah@usim.edu.my

Abstrak: Jati diri atau self-identity memiliki sifat dan ciri tersendiri yang mendasari dan membentuk identiti sesebuah bangsa dari aspek adat, tradisi, bahasa, budaya dan agama. Ia menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu dalam sesebuah bangsa. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan peranan pendidikan awal bagi kanak-kanak Melayu-Islam dalam membentuk jati dirinya. Selain itu, objektif artikel ini adalah untuk menjelaskan maksud pemerkasaan jati diri dan pendidikan awal kanak-kanak Melayu Islam daripada beberapa pandangan sarjana bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang konsep ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu pendekatan analisis teks bagi mencerakinkan maklumat daripada sumber yang berautoriti bagi memastikan kesahihan maklumat yang diperoleh. Kajian ini mendapati terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi dalam usaha menyemai dan memupuk jati diri Melayu melalui pendidikan awal. Kajian ini disifatkan penting kerana ia menjelaskan peranan pendidikan awal dalam memberi kefahaman, membudayakan penghayatan dan memperkasakan jati diri generasi Melayu masa kini.

Kata kunci: *pendidikan, kanak-kanak, jati diri Melayu, Islam*

Abstract: Identity or self-identity has its characteristics that underlie and shape the identity of a nation from the aspects of customs, traditions, language, culture, and religion. It becomes the core and symbol of the personality of an individual's nation. This article aims to discuss the role of early education for children in the form of Malay-Muslim identity. Besides, the objective of this article is to explain the meaning of empowerment and self-esteem of early childhood education among Malay Muslim from several scholars to obtain an overview of the concept. This study uses a qualitative method of text analysis approach to analyze information from authoritative sources. This study found that there are some challenges need to overcome to nurture and cultivate the identity of Malay through early education. This study was deemed important because it clarifies the role of early education in the understanding, appreciation, and strengthening of a culture of self-generation Malays.

Keywords: *education, childhood, self identity, Malay, Islam*

Pendahuluan

Dewasa ini, terdapat pelbagai masalah keruntuhan sosial dan akhlak dalam kalangan

masyarakat. Keadaan ini berlaku pada pelbagai peringkat usia sama ada kanak-kanak, remaja atau orang dewasa. Kebanyakan mereka terjebak dengan pelbagai masalah sosial dan gejala negatif yang datang

dari luar sehingga menghakis dan menghilangkan ciri-ciri dan jati diri sebagai seorang Melayu. Kelunturan jati diri dalam kalangan mereka juga disebabkan kekaguman masyarakat pada hari ini terhadap Barat. Orang Melayu yang majoritinya adalah beragama Islam dan dicirikan oleh beberapa sifat serta watak yang tersendiri turut tidak terkecuali dalam mengalami kelunturan jati diri tersebut. Abdullah (2003) menjelaskan bahawa umat Islam terlalu gemar kepada hiburan berbanding menghayati aqidah uluhiyyah. Keadaan ini berlaku kerana budaya yang datang dari dunia Barat dianggap sebagai satu kemajuan yang perlu dicontohi manakala apa yang wujud dalam kalangan masyarakat sendiri dan Melayu khususnya, contohnya pengajian pondok, dianggap sebagai sesuatu yang mundur dan ketinggalan zaman (Kamarudin 1996: 24). Pemikiran yang dikenali sebagai xetnosentrisme ini telah menjadi fenomena dalam masyarakat di Malaysia dan orang Melayu secara khusus. Mereka menganggap apa yang di luar daripada masyarakatnya adalah lebih istimewa dan terbaik manakala apa yang ada dan dimiliki oleh masyarakat sendiri seperti pemikiran, cara dan corak hidup adalah lebih rendah dari segi kedudukan.

Konsep Jati Diri Melayu

Menurut Zakaria (2012), istilah jati diri diambil daripada dua perkataan, iaitu ‘jati’ dan ‘diri’. ‘Jati’ bermaksud asli, murni, tulen atau tidak bercampur dengan unsur lain manakala erti perkataan ‘diri’ ialah seseorang atau empunya badan. Gabungan istilah ‘jati’ dan ‘diri’ membawa maksud sifat atau ciri yang unik dan istimewa yang melambangkan keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa. Dari segi istilah, ia adalah satu ciri yang unik dan istimewa dari segi adat, bahasa, budaya dan agama. Sifat atau ciri ini menjadi teras untuk membentuk sahsiah dan lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa. Istilah jati diri banyak digunakan untuk menggambarkan tentang kecintaan seseorang kepada negara, semangat patriotisme yang wujud dalam diri dan penghayatan agama dalam kehidupan seharian. Makna jati diri sesebuah bangsa dijelaskan oleh Abdullah (2009) sebagai ciri-ciri yang membezakan antara suatu kumpulan manusia dan kumpulan manusia yang lain serta rasa semangat kekitaan individu dalam kumpulan itu

Jati diri juga disebut sebagai identiti. Ia merujuk kepada identiti atau keperibadian diri sebenar yang dimiliki oleh seseorang secara lahiriah dan nilai-nilai yang menjadi pegangannya (Wan Mohd Nor, 1990). Identiti juga merujuk kepada dua perkara iaitu kualiti atau ciri yang dikongsi bersama dalam komuniti dan bagaimana individu mentakrifkan diri mereka

(Mandelsohn, 2002). Ringkasnya, jati diri bermakna sifat atau watak asli yang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu bangsa yang membentuk identiti serta perwatakan bangsa itu. Antara faktor yang mempengaruhi pembentukan jati diri sesuatu bangsa ialah keadaan alam, persekitaran, pengalaman sejarah dan kepercayaan. Walau bagaimanapun, faktor paling utama ialah kepercayaan atau agama yang mendasar dalam minda dan meresap ke seluruh jiwa. Agama memberi panduan yang jelas dan menyeluruh kepada manusia tentang peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan di dunia ini (Zaharani, 2011).

Nelson (2002) menyatakan bahawa dalam konteks global, maksud yang paling hampir dengan jati diri ialah *national identity*, iaitu jati diri atau identiti kebangsaan. Identiti ialah kategori keahlian yang terbina secara sosial manakala jati diri melibatkan perkara-perkara seperti kedaulatan, bidang kuasa wilayah dan kewarganegaraan. Menurutnya, jati diri bangsa ialah “*socio-psychological space of belonging as an identification with some significant traits and as a consciousness, more or less elaborated of sharing a space of life*”. Jati diri kebangsaan juga ditakrifkan sebagai apa sahaja ciri-ciri budaya sesebuah masyarakat yang boleh dikongsi bersama dan apa yang membezakan mereka dengan kumpulan lain (Abdullah, 2009). Dalam konteks Malaysia hari ini, jati diri kebangsaan adalah ciri atau identiti yang dikongsi bersama oleh masyarakat multi-etnik yang mendiami negara ini. Pada masa yang sama, setiap etnik sama ada Melayu, Cina atau India memiliki jati diri yang tersendiri dan berbeza antara satu etnik dan etnik yang lain. Keunikan jati diri etnik tersebut mencorak jati diri setiap individu yang dilahir dan dibesarkan mengikut acuan masing-masing. Kepelbagai etnik ini, menurut Shamsul (2001), melahirkan konsep bangsa Malaysia dimana terdapat perdebatan dalam takrifan-autoriti tentang bangsa Malaysia, iaitu sama ada dalam kesamaan atau dalam kepelbagaiannya.

Dalam kajian ini, fokus adalah tertumpu kepada pembinaan jati diri Melayu menerusi pendidikan awal bagi kanak-kanak Melayu-Islam. Melayu, menurut Perlembagaan Malaysia Perkara 160, ialah mana-mana individu yang beragama Islam, secara lazimnya bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Definisi Melayu ini selari dengan Kamus Dewan (2010) dimana Melayu merujuk kepada nama suatu bangsa dan bahasa yang digunakan seharian (terutamanya di Semenanjung Malaysia) serta cara hidup sesebuah bangsa. Osman, Azizan dan Zaid (2009) menjelaskan bahawa istilah Melayu mempunyai tiga dimensi yang berbeza iaitu ras, kebudayaan dan bahasa. Ras Melayu merujuk kepada mereka yang memiliki ciri-ciri genetik yang sama dan berasal dari Alam Melayu. Kebudayaan Melayu pula ialah pegangan dan amalan masyarakat Melayu yang menjadikan agama Islam dan adat resam

mereka sebagai unsur utama pembentukannya. Kebudayaan ini merangkumi pakaian, nilai dan norma, adat perkahwinan, perayaan dan permainan tradisional. Manakala bahasa Melayu merujuk kepada bahasa yang ditutur oleh masyarakat seluruh Alam atau Kepulauan Melayu yang meliputi kawasan kepulauan merentasi seluruh Asia Tenggara hingga sempadan Australia. Bahasa Melayu tergolong dalam subkeluarga bahasa Jawa, Sunda, Madura, Aceh, Minangkabau, Sasak, Melanau, Iban, Bajau, Murut dan Sulu.

Dari segi sosiologi, menurut Shamsul (2001), penggunaan gelaran Melayu pada zaman pra-penjajahan mempunyai ukuran objektif dan subjektif. Sistem beraja memberi makna objektif dimana terdapat kriteria yang objektif untuk menentukan pemerintah dan rakyatnya sama ada mereka beragama Islam atau sebaliknya. Bagaimanapun, secara subjektif, sesiapa yang mengaku telah menganut agama Islam adalah dianggap sebagai Melayu. Malah mana-mana individu yang bukan Islam dan bukan Melayu juga boleh digelar sebagai Melayu jika mereka bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dan menjalani kehidupan mengikut budaya Melayu. Ia berbeza dengan gelaran Melayu oleh pihak penjajah yang mengutamakan kepentingan materialistik mereka sebagai penjajah dan pedagang berbanding nilai, idea dan makna etnik bagi orang Melayu. Begitupun, pembentukan Perlembagaan Malaysia pada tahun 1963 telah membawa satu definisi baharu bagi istilah Melayu dengan merujuk kepada agama, bahasa dan budaya. Ringkasnya, jati diri Melayu membawa dua konotasi takrifan, iaitu takrifanharian yang bersifat anjal kerana berdasarkan pengalaman harian anggota masyarakat dan takrifan-autoriti yang bersifat tetap kerana berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan perbincangan di atas, makna jati diri Melayu ialah identiti bangsa Melayu yang dicirikan oleh agama, etnik, bahasa dan budaya. Agama Islam, bahasa Melayu dan adat serta budaya Melayu merupakan elemen utama dalam kehidupan individu yang memiliki jati diri Melayu yang sebenar. Bagi kanak-kanak Melayu-Islam, jati diri Melayu yang betul dilihat sangat penting bagi membolehkan mereka menjalani cara hidup Melayu berteraskan agama. Pemeriksaan jati diri Melayu bertujuan untuk memperkuuhkan kefahaman individu tentang ciri-ciri asas jati diri Melayu, terutamanya aspek agama. Dengan meletak Islam sebagai teras, adat dan budaya Melayu yang menjadi amalan hidup individu adalah selari dengan prinsip tauhid dan tuntutan syarak. Ajaran Islam tentang akidah, syariah dan akhlak adalah berkait rapat dengan konsep tauhid, hubungan manusia dengan Allah dan sesama manusia, serta budi pekerti yang mulia. Maka, jati diri yang holistik yang bertunjangkan falsafah nilai Melayu berserta unsur rohani dapat diterap kepada kanak-kanak Melayu-Islam menerusi pendidikan

awal untuk memperkasa jati diri Melayu-Islam yang sebenar.

Pendidikan Awal Dari Perspektif Islam

Sifat dan karakter seseorang individu sering dikaitkan dengan proses pembesaran dan pendidikan pada peringkat kanak-kanak. Kanak-kanak bermaksud budak lelaki atau perempuan yang masih kecil, biasanya yang belum mencapai umur lebih daripada tujuh atau lapan tahun. Kanak-kanak juga didefinisikan sebagai seorang individu yang mula mendapat pendidikan dari pusat jagaan seterusnya beralih ke tempat jagaan kanak-kanak dari usia dua hingga empat tahun (Kamarudin 1996). N.Hartini (2011) menjelaskan bahawa secara umum, kanak-kanak ialah manusia yang muda iaitu seseorang yang masih belum mencapai umur baligh. Mereka terbahagi kepada beberapa peringkat umur dan mempunyai tahap kemampuan yang berbeza.

Konsep pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia, menurut Kamarudin (1996), terbahagi kepada dua peringkat berdasarkan tahap umur mereka. Peringkat yang pertama ialah taman asuhan kanak-kanak atau taska untuk kanak-kanak yang berusia bawah empat tahun. Peringkat kedua ialah prasekolah atau tadika untuk kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun. Pendidikan prasekolah adalah satu program yang menyediakan pendidikan sebelum kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun melangkah masuk ke tahun satu. Berdasarkan Kod Etika Kelakuan *The National Association for The Education of Young Children* (NAEYC) tahun 2011, pendidikan awal kanak-kanak ialah segala program pendidikan yang memberi layanan, asuhan, penjagaan, bimbingan dan pendidikan kepada kanak-kanak bermula dari awal kelahiran hingga umur lapan tahun. Tanggungjawab etika terhadap kanak-kanak ialah menyediakan suasana penjagaan dan pendidikan yang selamat, bersih dan bersifat mengasuh bagi setiap kanak-kanak. Ia dilakukan oleh pihak yang terlibat secara langsung seperti rumah, pusat jagaan, hospital dan tadika dan atau tidak langsung seperti pentadbir program, pendidik ibu bapa dan pihak berkuasa berlesen yang bertanggungjawab dengan program bagi kanak-kanak.

Matlamat pendidikan awal kanak-kanak adalah untuk membantu perkembangan bakat, kebolehan dan potensi jasmani, emosi, rohani, intelektual (JERI) kanak-kanak menerusi interaksi sosial yang berlaku secara informal, non formal atau formal. Ia merupakan persediaan awal bagi membolehkan kanak-kanak merasai pengalaman belajar dalam suasana yang bermakna (Norfaezah, Siti Nurhajariah, Awatif dan Idi, 2017; Norazly dan Mohd Zaidi, 2019). Hal ini adalah selari dengan konsep dan paradigma pendidikan dalam Islam yang bersifat holistik, seimbang dan menyeluruh. al-Ghazali, seperti yang dinyatakan oleh Abdullah (2009),

menjelaskan bahawa kanak-kanak adalah anugerah Allah SWT kepada ibu bapa yang diberi kepercayaan untuk mendidik dan mencorakkan hati serta pemikiran anak-anak agar menjadi seorang insan yang baik. Manusia dilahirkan dalam keadaan suci bersih dan tidak mengetahui apa-apa. Pendidikan awal yang bermula dari kanak-kanak adalah amat penting bagi mencorakkan kehidupan seseorang. Firman Allah SWT yang bermaksud: Dan Allah SWT mengeluarkan kamu daripada perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu pun dan Dia memberi (mengurniakan) kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur.

Islam, seperti yang dijelaskan dalam perbincangan awal, mengandungi ajaran tentang akhlak. Maksud pendidikan, menurut perspektif Islam, tidak dapat dipisahkan daripada nilai-nilai akhlak. Islam menggunakan kalimah *ta'dib*, daripada kata dasar *addaba*, bermaksud mendidik dan mengajar adab atau akhlak untuk merujuk kepada istilah pendidikan. Al-Ghazali, sebagai contoh, menekankan maksud pendidikan iaitu menanam perangai baik dalam diri kanak-kanak supaya mereka “dapat menilai perkara yang benar dan yang salah” (Abdullah, 2009). Pandangan ini disokong pula oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1980) yang menegaskan bahawa pendidikan merupakan proses penerapan adab ke dalam diri seseorang. Malah pendidikan, menurut perspektif Islam, memainkan peranan yang penting dalam melahirkan insan yang berakhhlak mulia.

al-Ghazali, menurut Hassan (1999), menegaskan bahawa pendidikan kepada kanak-kanak hendaklah bermula sejak dari dalam kandungan hingga kelahirannya. Ibu bapa hendaklah bersifat tegas dengan anak-anak, tidak membiasakan mereka dengan kesenangan mahupun bersenang-senang serta tidak bersikap keterlaluan jika mendenda mereka. Ibu bapa juga hendaklah tidak mengeluarkan perkataan yang tidak elok didengari, tidak mencemuh atau menimbulkan kebencian mereka. Zakaria (2012) menjelaskan bahawa kanak-kanak perlu diberi pendidikan agama berlandaskan al-Qur'an dan al-Sunnah bagi membentuk peribadi mulia dan dilatih mengamalkan budi pekerti yang terpuji, tabiat yang baik, mempunyai sifat berani, merendah diri, sabar, menghormati orang tua serta mentaati ibu bapa, selain diberi nasihat terhadap kesalahan mereka. Selain itu, ibu bapa hendaklah sentiasa menggalakkan anak-anak mereka untuk melazimi sifat yang mulia iaitu sifat mahmudah. Mereka juga hendaklah melarang anak-anak daripada melakukan perkara-perkara keji dan tidak elok iaitu sifat-sifat mazmumah seperti mengajar mengikut kemampuan kanak-kanak dan memperbaiki perlakuan dengan mesra serta mengelakkan cara yang tidak elok (N.Hartini, 2011).

Aspek adab merupakan pendidikan awal yang sangat penting bagi kanak-kanak untuk diajarkan di rumah oleh kedua-dua ibu bapa. Ajaran adab termasuklah sikap merendah diri, tidak berbohong, sederhana dalam perlakuan, tidak berkawan dengan orang yang tidak baik, adab bercakap dan bergaul semasa berada dalam masjid serta adab dengan orang tua. Dalam konteks pendidikan bagi kanak-kanak Melayu-Islam, pendidikan adab secara tidak langsung dapat membentuk jati diri Melayu dalam diri mereka apabila mereka diajar dan dilatih dengan cara yang betul tentang ajaran agama seperti bersolat, berpuasa dan membezakan perkara yang halal dan perkara yang haram (Arifin 2008). Jati diri Melayu, seperti yang dijelaskan sebelum ini, adalah persoalan tentang identiti individu dari segi budaya, agama dan budaya. Tanpa mengambil kira persoalan politik, ciri-ciri tersebut menentukan siapa yang layak dan tidak layak dikenali sebagai Melayu asli atau Melayu jati.

Asuhan Jati Diri Dalam Pendidikan Awal

Tingkah laku, sikap dan pembawaan anak-anak amat berkait rapat dengan didikan ibu bapa sama ada tegas dan berdisiplin atau terlalu memanja dan mengikut kata anak-anak. Pendidikan awal bagi kanak-kanak, khususnya anak-anak Melayu-Islam, hendaklah bermatlamat untuk melahirkan mereka yang memahami dan menghayati ajaran agama dalam perkataan dan tindakan. Oleh itu, pendidikan awal kanak-kanak hendaklah memberi penekanan dan keutamaan terhadap aspek-aspek berikut (Mohd Kamal, 2012):

i. Membimbing Tingkah Laku dari Peringkat Awal

Membimbing tingkah laku anak merupakan sebahagian besar daripada tanggungjawab ibu bapa. Hal ini kerana kebanyakan masalah tingkah laku individu adalah berkait rapat dengan didikan ibu bapa. Pada peringkat awal pembesaran, sebahagian besar masa seseorang kanak-kanak dihabiskan di rumah yang menjadi tempat ibu bapa melaksanakan peranan penting dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak. Kanak-kanak yang dibiarkan berkelakuan buruk di rumah lazimnya turut menunjukkan kelakuan yang sama semasa di sekolah. Oleh itu, tugas dan tanggungjawab membentuk dan mengubah tingkah laku seseorang anak hendaklah bermula di rumah. Rumah menjadi sekolah pertama kanak-kanak dimana ibu bapa adalah gurunya. Sekiranya tiada ibu bapa, peranan yang sama turut digalas oleh saudara terdekat atau penjaga kanak-kanak itu. Manakala guru pula bertanggungjawab menggalas tugas dan peranan mendidik, membentuk tingkah laku dan mendisiplinkan mereka sewaktu berada di sekolah (Mohd Kamal, 2012). Selain ibu bapa, jelas Mariani (2006), guru mempunyai pengaruh yang besar ke

atas pendidikan awal kanak-kanak, iaitu melaksana aktiviti pengajaran-pembelajaran berkesan dan mewujudkan hubungan baik dengan ibu bapa serta rasa bertanggungjawab terhadap perasaan dan keperluan kanak-kanak.

Menurut Mohd Kamal (2012), Abu Guddah (2005) dalam tulisannya berjudul *al-Rasul al-Mu'allim SAW wa Asalibuhu fi al-Ta'lim*, menyatakan bahawa proses pengajaran Rasulullah SAW lazimnya menggunakan metode yang paling baik, tepat pada sasaran dan sesuai dengan peringkat kefahaman kanak-kanak. Oleh itu, pengajaran Baginda menjadi sangat mudah difahami dan mampu diingat oleh kanak-kanak. Berdasarkan metode Rasulullah SAW, terdapat enam model pendidikan kanak-kanak iaitu:

- a) Memperdengarkan ucapan-ucapan yang baik,
- b) Membiasakan anak dengan adab Islam dalam kehidupan sehari-hari,
- c) Metode keteladanan,
- d) Metode ‘ibrah dan mau ’izzah,
- e) Metode targhib dan tarhib, dan
- f) Menanam sikap dan sifat terpuji serta menjauahkan anak daripada sikap dan sifat tercela.

ii. Memberi Pendidikan Agama yang Cukup

Satu daripada hadis Rasulullah SAW yang menerangkan tentang kaedah pendidikan anak-anak yang perlu diaplikasikan oleh ibu bapa dalam proses mendidik anak-anak adalah sebagaimana sabda Rasulullah SAW maksudnya, “Suruhlah anak-anak kamu bersembahyang apabila mereka berumur tujuh tahun dan pukullah (untuk mengajar) mereka apabila berumur sepuluh tahun dan pisahkan antara mereka di tempat tidur.” (H.R al-Hakim dan Abu Daud). Islam menganjur dan menggalakkkan manusia supaya menuntut ilmu sejak dari permulaan usia iaitu melalui pendidikan awal kanak-kanak. Pada peringkat permulaan usia, kanak-kanak dibaraskan seperti sehelai kain putih yang bakal menerima sebarang pencorakan warna daripada kedua-dua ibu bapa dan persekitarannya. Kehidupan seseorang pada peringkat usia kanak-kanak akan melakar dan mencorak kehidupannya pada masa akan datang (Adibah, Ezad Azraai dan Noorsafuan, 2014).

Ibu bapa, berdasarkan pandangan Teoh Hsien-Jin (2014), hendaklah menetapkan satu dasar yang kukuh dan baik kepada anak-anak kerana kehidupan pada peringkat kanak-kanak merupakan permulaan kehidupan yang sangat penting. Oleh itu, tanggungjawab ibu bapa dalam memberi pendidikan kepada anak-anak adalah bermula sejak dari kelahiran hingga dewasa. Cabaran yang ditempuh oleh anak-anak masa kini amat hebat. Mereka memerlukan sokongan dan bimbingan ibu bapa dari segi penyediaan pendidikan yang berteraskan agama. Pendidikan Islam perlu diterapkan dalam pembesaran

anak-anak dengan tujuan untuk membentengi mereka daripada melakukan perkara yang salah dan dilarang dalam agama. Ibu bapa perlu memperkenalkan prinsip syariat dan asas-asas pengajaran Islam dari segi akidah dan ibadat sejak dari peringkat awal usia seseorang kanak-kanak (Ammar, 2014).

Di samping itu, corak pemikiran anak-anak perlu dibentuk dengan perkara-perkara bermanfaat dan kesedaran pemikiran yang matang. Hal ini kerana kesihatan akal dan pemikiran anak-anak perlu sentiasa dijaga bertujuan untuk menjauhkan mereka daripada anasir yang boleh merosakkan akal dan mendorong mereka untuk melakukan perbuatan salah laku. Anak-anak yang terdidik dengan akhlak Islam lazimnya tidak mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran agama yang boleh merosakkan diri mereka mahupun orang lain (Sharifah, 2012). Kepentingan pendidikan akhlak jelas ditunjukkan melalui sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Tiada seorang bapa memberikan anaknya suatu pemberian yang lebih baik daripada adab yang mulia” (H.R al-Timidzi).

Hadis tersebut menunjukkan kepentingan dan keutamaan memberi pendidikan tentang ilmu agama, adab dan nilai. Oleh itu, ibu bapa hendaklah mendidik anak-anak dengan adab sopan, tatasusaha dan asas kerohanian yang mencukupi, selain melengkapkan mereka dengan ilmu tentang adab pergaulan yang baik dalam keluarga dan masyarakat. Anak-anak yang terdidik dengan ilmu seumpama ini dan mengamalkannya dalam kehidupan akan ter dorong menjadi baik dalam keluarga dan masyarakat serta tidak mudah terjebak kepada pelbagai salah laku yang berleluasa pada hari ini.

iii. Menunjukkan Contoh dan Teladan yang Baik

Berdasarkan pemerhatian sejak dari kecil, menurut Teoh Hsien-Jin (2014), kanak-kanak membuat anggapan dan kesimpulan bahawa ibu bapa mereka adalah model dan contoh ikutan. Kanak-kanak belajar mengenali dunia dengan memerhati dan meniru setiap tingkah laku ibu bapa. Jika ibu bapa menjerit atau memukul untuk memaksa mereka membuat sesuatu, mereka belajar dan membuat andaian bahawa cara tersebut adalah kaedah yang perlu digunakan untuk menyuruh orang melakukan sesuatu. Kanak-kanak menggunakan tingkah laku agresif sebegini untuk menyelesaikan masalah. Sekiranya ibu bapa bersikap kasar terhadap satu sama lain dan melukakan orang lain, kanak-kanak juga belajar bahawa tingkah laku tersebut adalah normal dan menyimpulkannya sebagai cara untuk melayan orang lain. Kanak-kanak membesar untuk menjadi apa yang mereka biasa lihat, dengar dan pelajari daripada tingkah laku dan kata-kata kedua-dua ibu bapanya. Oleh itu, ibu bapa hendaklah mengambil sikap berhati-hati dalam tingkah laku kerana kanak-kanak sentiasa memerhati dan meniru

perkataan yang mereka dengari serta meniru perlakuan yang mereka lihat.

Asmawati (2005) menjelaskan bahawa terdapat asas psikologi kanak-kanak yang perlu difahami dan diambil perhatian oleh ibu bapa dalam proses mendidik anak-anak. Antara asas psikologi kanak-kanak yang perlu diberi penekanan ialah:

- i. Bersifat manja dan ingin selalu dimanja dan dibelai.
- ii. Sentiasa inginkan perhatian daripada kedua-dua ibu bapanya.
- iii. Tidak suka dipaksa dan gemarkan pujuhan.
- iv. Mudah terangsang jika diberi ganjaran setelah melakukan sesuatu yang diminta oleh ibu bapa.
- v. Gemarkan pujian dan penghargaan.

Pergaulan yang baik dengan ibu bapa mahupun ahli keluarga yang lain, menurut Asmawati (2005), merupakan permulaan kepada penerapan contoh teladan yang baik dalam proses pembentukan akhlak seseorang kanak-kanak. Hubungan yang rapat merupakan satu daripada kaedah untuk membentuk akhlak yang mulia dalam diri kanak-kanak. Hal ini kerana manusia secara semulajadi bersifat meniru iaitu suatu keadaan yang mendorong seseorang untuk memperolehi kedua-dua sifat baik dan buruk daripada keadaan orang lain. Pergaulannya dengan seseorang yang baik dalam tempoh yang tertentu akan meninggalkan kesan kebaikan daripada individu tersebut ke atas dirinya dan keadaan itu secara tidak langsung banyak mengajarnya tentang kehidupan. Tanggungjawab membentuk akhlak seseorang kanan-kanak tidak seharusnya digalas oleh ibu bapa sahaja. Guru-guru dan masyarakat turut berperanan dalam memberi teladan kepada kanak-kanak. Melalui contoh teladan yang baik, kanak-kanak menyesuai dan menampilkan karakter diri berdasarkan kepada nilai-nilai Islam yang telah diterapkan kepada mereka.

iv. Meluangkan Masa Berkualiti

Secara umum, kanak-kanak yang dapat berinteraksi secara terbuka dengan ibu bapa terdiri daripada mereka yang ceria dan aktif. Hubungan positif antara ibu bapa dan anak-anak hendaklah bermula sejak dari peringkat awal. Antara cara meluangkan masa dengan kanak-kanak ialah melakukan perkara yang mereka ingin buat, mendengar luahan perasaan dan menyelami apa yang mereka fahami. Cara ini membantu ibu bapa untuk menyedari perubahan diri anak-anak terutamanya jika mereka ditimpa kesulitan dan masalah. Hubungan baik antara ibu bapa dan anak-anak membolehkan mereka mengambil tindakan segera untuk membantu anak-anak mencari jalan penyelesaian terhadap masalah. Meluangkan masa dengan anak-anak merupakan satu daripada cara untuk menunjukkan

bahawa ibu bapa mengambil berat dan menyayangi mereka. Masa yang diluangkan bersama dapat digunakan oleh ibu bapa untuk menerapkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran dan nilai-nilai Islam dalam diri anak-anak (Teoh Hsien-Jin, 2014). Antara contoh nilai-nilai murni, berdasarkan jati diri Melayu, ialah menghormati mereka yang lebih dewasa, sopan santun, berbudi bahasa, tolong menolong, rajin, bersungguh-sungguh melakukan sesuatu dan seumpamanya.

Berdasarkan aspek-aspek di atas, pendidikan awal kanak-kanak hendaklah menitikberatkan penerapan nilai, akhlak dan ilmu agama melalui peranan ibu bapa sebagai contoh teladan dan luangan masa berkualiti bersama-sama. Penerapan nilai murni merupakan satu daripada fokus utama dalam proses pembentukan jati diri seseorang Melayu-Islam. Nilai murni iaitu perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam konteks hubungannya dengan Pencipta, sesama manusia dan dengan alam. Pendidikan yang bersifat holistik tidak dapat dipisahkan daripada penerapan nilai-nilai murni dan akhlak yang baik dalam konteks hubungan tersebut. Penekanan Islam dalam pendidikan yang bersepada adalah bertujuan untuk melahirkan kecemerlangan peradaban dan membangunkan modal insan yang dinamik serta mantap dari segi ilmu, iman, akhlak dan amal (Asmawati, 2005).

Hubungan Antara Jati Diri Melayu-Islam Dan Pendidikan Awal

Jati diri mempunyai kaitan yang rapat dengan akhlak seseorang individu. Tanpa akhlak mulia dan nilai-nilai murni, jati diri tidak dapat dibentuk dan dipupuk dengan baik. Akhlak mulia amat penting dalam kehidupan manusia kerana ia memberi pengaruh dan impak yang besar terhadap kehidupan seseorang Muslim. Pendidikan merupakan satu wadah penting dalam melakukan anjakan paradigma setiap individu dalam aspek pemikiran dan sikap serta memainkan peranan penting dalam melahirkan insan yang berkualiti dalam semua aspek kehidupan. Dalam hal ini, Norazly (2019) percaya bahawa pendidikan prasekolah bagi kanak-kanak negara ini bertujuan untuk melahirkan individu yang mempunyai perkembangan yang seimbang dan holistik dari aspek JERI serta berjati diri kebangsaan dari segi sosial. Dalam konteks kanak-kanak Melayu-Islam, pendidikan awal kanak-kanak sewajarnya turut membentuk jati diri Melayu menerusi pendekatan sama ada informal, non formal maupun formal.

Secara umum, pendidikan selalu dikaitkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu ilmu serta penerapan nilai. Dalam bentuk yang praktikal, hasil pendidikan tersebut seharusnya dapat melahirkan insan yang mampu mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari

dan memanfaatkan nilai yang dimiliki dalam kehidupan sehari-hari (Asmawati, 2005). Proses menerap dan mendidik adab dalam diri seseorang memainkan peranan penting dalam melahirkan insan yang berakhhlak mulia. Agama, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, seharusnya menjadi teras dalam pembentukan nilai dan akhlak manusia. Hal ini bertepatan dengan falsafah dan tujuan pendidikan Islam. Norfaezah et. al. (2017) menjelaskan bahawa falsafah dan tujuan pendidikan Islam ialah membangunkan perkembangan JERI ke arah melahirkan insan yang sebenar, iaitu mereka yang berilmu dan berakhhlak menurut nilai Islam. Pendidikan awal kanak-kanak Melayu perlu diterap berdasarkan falsafah dan tujuan tersebut kerana ia berupaya mempengaruhi cara pemikiran kanak-kanak untuk mengamalkan nilai akhlak Islam dan menghalang mereka daripada terjebak dalam perbuatan tidak baik.

Menurut MacNaughton, seperti yang dinyatakan oleh Mariani (2006), pendidikan awal adalah peringkat terpenting dalam proses pembelajaran kanak-kanak kerana ia menyediakan mereka dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap positif terhadap pihak lain. Dalam proses pembelajaran menerusi pendidikan awal itu, Mariani (2006) menegaskan bahawa faktor persekitaran juga boleh mempengaruhi pertumbuhan dan pembesaran kanak-kanak. Ia membabitkan peranan keluarga, khususnya ibu bapa, dari segi didikan dan asuhan di rumah, pemilihan tempat belajar bagi peringkat pra sekolah dan komunikasi ibu bapa-guru dan suasana kelas. Guru, seperti yang dijelaskan dalam perbincangan awal, juga memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak. Faktor persekitaran lain yang juga mempengaruhi pembesaran seorang kanak-kanak ialah jaringan sosial, masyarakat dan pelbagai aspek dalaman dan luaran pendidikan.

Dalam konteks kanak-kanak Melayu-Islam, pendidikan perlu dilihat sebagai satu proses berterusan yang berkembang seawal usia mereka masih muda dengan tujuan, antara lain, untuk membentuk jati diri. Mastura (t.th) menyatakan bahawa setiap sesuatu yang dilihat dan didengari oleh seorang kanak-kanak daripada persekitarannya adalah satu bentuk pendidikan. Hal ini kerana pada peringkat awal usia, kanak-kanak tidak dapat membezakan antara perkara yang baik dan buruk. Pendedahan yang luas dalam pendidikan awal seseorang kanak-kanak merupakan asas kepada perkembangan mereka pada masa akan datang. Pernyataan ini adalah selaras dengan pepatah Melayu iaitu, “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Pepatah ini menunjukkan bahawa pendidikan awal merupakan asas perkembangan seseorang kanak-kanak. Bahkan pembesaran anak-anak lazimnya menjadi selari dengan agama dan amalan beragama kedua-dua ibubapanya. Mereka adalah individu yang paling berpengaruh ke atas setiap perkembangan dan pendidikan anak-anak sebagaimana hadis Rasulullah

SAW yang bermaksud “Tidak ada seorang anak yang dilahirkan melainkan dalam keadaan fitrah (suci bersih), maka ibu bapanya yang menjadikannya sama ada Yahudi, Nasrani atau Majusi” (Siti Nirlina, t.th).

Anak-anak merupakan amanah yang tidak ternilai. Oleh itu, Islam memerintahkan para ibu bapa agar memikul tanggungjawab mendidik anak-anak kerana mereka akan mewarisi segala didikan yang diberikan oleh orang tua dan persekitarannya. Penerapan acuan yang baik kepada mereka akan melahirkan generasi pewaris yang mampu mendukung nilai-nilai agama yang syumul pada masa hadapan. Pelaksanaan amar ma’ruf dan nahi mungkar serta konsep nasihat-menasihati antara satu sama lain perlu diketengahkan dalam kehidupan bermasyarakat bagi menangani masalah tingkah laku dalam kalangan anak-anak. Konsep nasihat-menasihati adalah selaras dengan saranan Rasulullah SAW yang bermaksud, “Agama itu adalah nasihat” (Sahih Muslim). Malah konsep hidup bermasyarakat adalah sejajar dengan ajaran Islam yang menitikberatkan hubungan sesama manusia. Hakikatnya, manusia sebagai makhluk sosial memerlukan orang lain untuk memenuhi tuntutan dan keperluan hidup (Asmawati, 2005; Latifah, 2012).

Kesimpulan

Pendekatan yang bersesuaian dalam pendidikan awal adalah sangat penting dalam usaha menanam jati diri yang sebenar kepada kanak-kanak Melayu-Islam. Kanak-kanak adalah golongan yang perlu diberi perhatian dalam usaha memupuk dan mendidik mereka dengan akhlak mulia menerusi pendekatan Islam dengan tujuan untuk melahirkan insan berilmu dan beramal soleh. Setiap ibu bapa perlu mengetahui cara didikan yang betul bagi kanak-kanak di bawah jagaan dan tanggungjawab mereka. Terdapat ibu bapa yang menunjukkan sikap kurang peka terhadap permasalahan dalam pendidikan. Keadaan ini menyebabkan mereka mendidik anak-anak dengan kasar dan telah menimbulkan perasaan takut dalam diri anak-anak. Tindakan ini bukan sahaja merenggangkan hubungan antara anak dan ibu bapa malah ia menyebabkan proses perkembangan anak-anak itu tidak berlangsung dalam keadaan yang baik (Abdullah, 2009).

Pada hari ini, terdapat kanak-kanak yang telah menunjukkan kelakuan kurang sopan pada usia yang masih kecil. Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang pengajaran dan pembelajaran yang dilaluinya sama ada tertumpu kepada pendidikan berbentuk kognitif semata-mata, iaitu untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik, atau pendekatan yang sedang digunakan tidak berkesan bagi perkembangan yang seimbang bagi kanak-kanak. Dalam mendidik anak-anak di rumah, bimbingan dan tunjuk ajar ibu bapa perlu mengandungi pelbagai aktiviti berbentuk penghayatan Islam. Ibu bapa juga boleh

menyediakan satu bentuk pengukuhan dan ganjaran kepada anak-anak yang menunjukkan akhlak dan nilai murni yang sangat baik. Hal ini kerana pembentukan keperibadian mulia seorang kanak-kanak bermula dari institusi keluarga yang menyediakan pendidikan, baik secara informal atau formal, tentang ilmu agama, akhlak dan nilai-nilai murni. Manakala di sekolah, para guru khususnya guru yang beragama Islam merupakan agen pembentuk moral dan menjadi contoh teladan kepada para pelajar. (Asmawati, 2005).

Dalam konteks dunia global yang kompetitif, pendekatan Islam yang dilakukan secara holistik dan progresif diharapkan dapat mempertingkatkan peradaban ummah dan melahirkan insan yang seimbang. Hal ini adalah selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud, "Jikalau sekiranya penduduk suatu negeri itu beriman dan bertaqwa, pasti Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi" (al-A'raf: 96). Pendidikan bersifat sepdua yang berpaksikan tauhid dan berlandaskan falsafah serta nilai Islam perlu dipertingkatkan dalam usaha menerap dan memperkasa amalan, penghayatan jati diri Melayu dan kekuatan rohani menerusi pendidikan awal kanak-kanak. Secara ringkas, jati diri Melayu ialah identiti diri individu berdasarkan tiga elemen utama, iaitu agama, bahasa dan budaya. Ia adalah merujuk kepada ketetapan Perlembagaan Persekutuan dalam menentukan maksud Melayu dalam konteks perundangan. Jati diri yang bertunjangkan pendidikan Islam dianggap penting bagi setiap kanak-kanak Melayu-Islam kerana agama Islam adalah satu daripada unsur yang mencirikan jati diri Melayu sebenar. Bahkan prinsip dan nilai Islam adalah sangat penting bagi kerana budaya bersifat anjal dan boleh berubah akibat globalisasi dan aliran zaman.

Rujukan

- Abdullah Hassan. 2009. Bahasa Melayu di Persimpangan: Antara Jati Diri dengan Rempuan Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*. 16: 59-81.
- Adibah Sulaiman, Ezad Azraai Jamsari dan Noorsafuan Che Noh. 2014. Islamic Environment in Child Development According to the Views of Imam al-Ghazali. *Mediterranean Journal of Social Science*. 5(29): 33-39.
- Ammar Fadzil. 2014. Peranan Ibubapa dalam Pendidikan Anak-Anak dari Perspektif Qur'an dan Hadith. https://www.academia.edu/12007120/Peranan_Ibubapa_dalam_Pendidikan_Anak-anak. Diakses pada 28 Julai 2019.
- Ari Kurniawan, Muhammad Faisal Ashaari dan Azizi Umar. 2013. *Jati Diri Kebangsaan Dalam Falsafah Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arifin Mamat. 2008. Pendekatan al-Quran dalam *Pembangunan Modal Insan. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan*. Siri ke-6, hlm. 29-34.
- Asmawati Suhid. 2005. Pengajaran Adab dan Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan. *Jurnal Pengajian Umum*. 8: 167-171.
- Kamarudin Hussin. 1996. *Sekolah dan Perkembangan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Kamus Dewan. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latifah Abdul Majid, Wan Nasryrudin Wan Abdullah dan Nurul Hidayah Ahmad Zakhi. 2012. Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 51-65.
- Mariani Md. Nor. 2006. Realiti Trend dan Isu dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Masalah Pendidikan. Universiti Malaya. *Masalah Pendidikan*. 29: 81-90.
- Mohd Kamal Hassan. 2012. *Membangun Modal Insan Melayu Dalam Sistem Pendidikan Islam*. Kertas Kerja Perbincangan Meja Bulat Mengarusperdanakan Sistem Pendidikan Islam di Malaysia, Kuala Lumpur, 5 Jun 2012. Anjuran Dewan Amal Islami (DAMAI).
- Nelson, G. 2002. *Knowledge Management*. Nelson Buchanan & Oostergard. Pte. Ltd.
- N. Hartini. 2011. Metodologi Pendidikan Anak Dalam Pandangan Islam (Studi Tentang Cara-Cara Rasulullah SAW Dalam Mendidik Anak). *Jurnal Pendidikan Agama Islam-Ta'lim*. 9(1): 31-42.
- Norazly Nordin dan Mohd Zaidi Hajazi. 2019. *Pendidikan Anak Usia Dini dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak*. Kertas Kerja International Conference on Global Education VII "Humanising Technology For IR 4.0", Padang, 1-2 Julai 2019, Anjuran Universitas Ekaakti Padang, Indonesia.
- Norfazeah Mohd Hamidin, Siti Nurhajariah Md Isa, Awatif Abdul Rahman dan Idi Hamdi. 2017. *Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Pakk) di Malaysia: Kajian Literatur*. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan, Selangor, 26-27 April 2017. Anjuran Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin dan Zaid Ahmad (pnyt.). 2009. *Modul Pengajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Shamsul Amri Baharuddin. 2001. "Malay' and "Malaysness" in Malaysia Reconsidered: A Critical Review. *Communal/ Plural*. 9(1): 69-80.
- Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali. 2012. *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Kurikulum Berasaskan Bermain Bagi Aspek Perkembangan Bahasa Dan Literasi Murid Prasekolah*. Mei 2012, 2(1): 141-159.
- Siti Norlina Muhammad dan Mohd Nasir Ripin. t.th. *Pemupukan Akhlak Muslim Menurut Pandangan Ibnu Miskawayh*. Universiti Teknologi Malaysia: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial.
- Teoh Hsien-Jin. 2014. Mengawal tingkah laku kanak-kanak https://www.amway.my/en/ResourceCenterDocuments/Visitor/MM_Article8.pdf. Diakses pada 27 November 2014.
- The National Association for The Education of Young Children* (NAEYC). 2011. *Code of Ethical Conduct and Statement of Commitment*. USA: Washington DC.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1990. Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamadun. *Jurnal Pendidikan Islam*. 3(1): 51-67.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed, Harishon Radzi dan Mohd Shabri Yusof. 2011. Pemerksaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapaan Kata Asing (Empowerment and Configuration Malay language Identity: Infiltration of Foreign Vocabularies Issue). *Jurnal Melayu*. 6: 13-27.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf dan Abdul Fatah Shaharudin. 2012. Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pengajian Islam. *Jurnal Hadhari. Special Edition*: 129-141.